



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/4/2019	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

CFS giat pulihara hutan negara

PUTRAJAYA - Kerajaan giat melaksanakan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan negara sejajar dengan Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS).

Pengarah Kanan Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Lim Kee Leng berkata, pelbagai kejayaan telah dicapai CFS sejak ia dilaksanakan, antaranya penanaman 171,662 pokok melibatkan 10 koridor ekologi.

"Penanaman tersebut melibatkan 12 spesies pokok hutan dan 13 pokok nadir," katanya selepas Program Central Forest Spine: Ke Arah Jaringan Ekosistem Mampan dan Progresif di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, sebanyak 26,000 hektar hutan telah digazetkan sebagai hutan simpan.

"Bagaimanapun, usaha kita tidak terhenti di situ. Selepas digazetkan, hutan-hutan ini kita akan jaga dan beri perlindungan," katanya.



Tun Abdullah Ahmad Badawi (tengah) dan isteri, Tun Jeanne Abdullah (kiri) melancarkan buku *Nature's Medicine - A Collection of Medicinal Plants From Malaysia's Rainforest*.

Program Central Forest Spine - Ke Arah Jaringan Ekosistem Mampan dan Progresif yang dianjurkan Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan kerjasama Landskap Malaysia bertujuan berkongsi mak-

lumat dan perkembangan inisiatif CFS.

CFS ialah program pemeliharaan ekosistem melalui pembaik pulihan hubungan koridor hutan yang merentasi Semenanjung Malaysia.